



**TEKS UCAPAN  
YANG HORMAT PROFESOR DATO' TS. DR. YUSERRIE ZAINUDDIN  
NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
SEMPENA  
AMANAT NAIB CANSELOR 2023  
KHAMIS, 23 FEBRUARI 2023, 10.00 PAGI  
DI DEWAN SERBAGUNA, UMP PEKAN**

---

**'MELESTARIKAN KECEMERLANGAN'  
TEKNOLOGI UNTUK MASYARAKAT**

Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera.

1. Alhamdulillah, saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izin-Nya, maka saya berpeluang untuk bertemu warga UMP untuk menyampaikan amanat saya untuk tahun 2023 pada pagi ini.
2. Justeru, saya ingin terlebih dahulu mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan kepada seluruh warga kerja dan mahasiswa UMP serta para hadirin yang menyertai sesi amanat pada pagi ini.
3. Walaupun telah 54 hari kita berada di dalam tahun 2023 ini, saya harap semangat dan resolusi tahun baharu yang kita telah tekadkan akan terus menyala dan menyulahi sepanjang perjalanan kita untuk tahun ini.
4. Saya percaya, kita semua telah sama-sama mendengar Amanat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menerusi enam (6) nilai teras MADANI iaitu Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan sebagai tonggak dasar dalam memperkukuh Ekonomi dan Kewangan, Perundangan, Institusi, Pendidikan, Kemasyarakatan, Budaya, Bandar dan Luar Bandar yang menjadi panduan mengurus negara yang kita cintai.
5. Pelaksanaan konsep Malaysia Madani ini turut menyentuh keperluan meneroka aspek pendidikan yang merupakan usaha untuk meningkatkan martabat rakyat dan negara ini bagi memastikan ilmu menjadi keutamaan sekali gus melahirkan masyarakat Malaysia yang tinggi dengan budaya ilmu. Ini termasuklah untuk melaksanakan program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) berimpak tinggi secara holistik.

6. Kita juga telah mengikuti Perutusan Tahun Baharu 2023 oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin khususnya terhadap 11 perkara fokus dalam memulih dan meningkatkan kepercayaan rakyat terhadap kualiti pendidikan tinggi negara. Antaranya, termasuklah melakukan rombakan terhadap ekosistem TVET nasional, kualiti dan kecemerlangan akademik dan pemerksaan mahasiswa.
7. Dunia ketika ini berdepan dengan pelbagai *mehnah* dan tribulasi seperti mana yang diungkapkan dalam Amanat Yang Berhormat Menteri KPT merentasi masalah pandemik, ekonomi dan ledakan teknologi. Walau bagaimanapun, sebagai institusi keilmuan dengan kesarjanaan yang dimiliki, kita mengambil langkah proaktif bagi mendepani cabaran ini dengan mempersiapkan diri dengan menerokai bidang-bidang kritikal yang terkesan dengan cabaran global.
8. Sehubungan itu, pada hari ini saya berhasrat untuk merencana dan beriltizam bagi meneruskan agenda kecemerlangan universiti menjadi sebuah universiti teknologi terunggul menjelang tahun 2050.

### **IMBASAN RINGKAS 21 TAHUN UMP**

Tuan-tuan dan puan-puan,

9. Genapnya 21 tahun usia UMP yang disambut pada 16 Februari 2023 baru-baru ini dimaknakan dengan keterampilan kecemerlangan UMP secara menyeluruh dengan meliputi semua dimensi yang menyumbang kepada keunggulan pencapaian kita.
10. 21 tahun yang lalu, generasi perintis universiti ini telah meletakkan asas yang menegakkan kedudukan UMP sebagaimana yang kita lihat dan rasai kini. Asas tersebut terus diperbaharui dan diperkukuh dalam setiap fasa perkembangan strategik

dengan mengambil kira kedudukan dan keperluan semasa serta masa depan universiti ini secara dinamik dan realistik.

11. Maka, sukalah saya membawa perhatian hadirin sekalian untuk mengimbas dan menyorot secara ringkas perkembangan sepanjang perjalanan UMP sejak 16 Februari 2002 hinggalah ke hari ini.
12. Bermula dengan nama Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (KUKTEM) yang ketika itu mempunyai seramai 303 mahasiswa prasiswazah pada tahun 2002, jumlahnya kini telah meningkat kepada seramai 11,764 orang mahasiswa pada tahun 2023.
13. Sejak pengambilan kumpulan sulung mahasiswa bagi program sarjana dan doktor falsafah pada tahun 2004, enrolmen pascasiwazah juga telah meningkat daripada 16 orang kepada 1,474 orang pada tahun 2023. Sehingga kini, UMP telah berjaya melahirkan seramai 38,462 alumni yang telah menyumbang semula tenaga dan kepakaran mereka kepada masyarakat serta pembangunan negara. Kebolehpasaran graduan UMP pula mencatat peningkatan kepada 98.67 peratus bagi tahun 2022.
14. Ingin saya kongsi perkhabaran Alumni UMP iaitu graduan tahun 2019 yang membanggakan apabila Leftenan (Pertahanan Awam) Kang Wei Xian, graduan Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Elektrikal) dengan Kepujian, yang menganggotai Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Mohamad Zaib Jamri yang merupakan graduan Sarjana Muda Pengurusan Teknologi Industri dengan Kepujian, Fakulti Pengurusan Industri dari Tiger Platoon Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 19 Selangor telah menyumbang bakti dan terlibat dalam misi mencari dan menyelamatkan tragedi tanah runtuh di Batang Kali, Selangor pada Disember 2022 lalu.
15. Lebih membanggakan Leftenan (Pertahanan Awam) Kang Wei Xian kini sedang berada di Adiyaman, Turkiye bagi menggembelng tenaga dalam misi mencari dan menyelamatkan mangsa dalam tragedi gempa bumi di Turkiye. Penglibatan alumni UMP

ini merupakan satu khidmat bakti yang tidak ternilai kepada agama, bangsa dan negara. Saya percaya lebih ramai lagi alumni UMP yang akan kembali berbakti kepada alma maternya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

16. Perjalanan cemerlang UMP dalam tempoh 21 tahun ini turut dinadikan oleh komitmen tinggi warga kerjanya, sama ada di peringkat operasi, pentadbiran mahupun akademik. Bagi tempoh antara tahun 2010 hingga 2023, jumlah keseluruhan staf UMP telah meningkat sebanyak 32 peratus daripada 1,388 (2010) kepada 1,838 (2023).
17. Hasil komitmen warga universiti ini juga, UMP berjaya mencapai kedudukan sebaris dengan universiti terbaik dunia apabila buat pertama kalinya diiktiraf dan tersenarai dalam QS Asia Rankings pada tahun 2014, juga QS *World University Ranking (WUR)* sejak tahun 2020 manakala sejak tahun 2018, UMP mendahului Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) merujuk pencapaian penarafan QS *WUR* dan *THE Impact Rankings*.
18. UMP juga buat julung kalinya tersenarai dalam penarafan dunia *THE WUR 2023* di kedudukan 801-1000 bagi penarafan *Times Higher Education World University Rankings (THE WUR) 2023*. Lebih membanggakan apabila UMP berada di kedudukan tangga kelapan daripada 22 buah Institusi Pengajian Tinggi Malaysia yang tersenarai dan kini merupakan antara universiti terbaik dalam kalangan MTUN.
19. UMP juga turut melakar kejayaan pada tahun lalu apabila tersenarai di kedudukan 301-400 dalam *Times Higher Education Impact Rankings (THE Impact)* yang juga merupakan penyertaan pertama universiti ini. Penarafan *THE Impact* merupakan sistem penarafan global yang menilai usaha universiti

terhadap Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) yang digariskan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

20. Seterusnya, UMP turut disenaraikan pada kedudukan ke-103 terbaik di dunia dan kelima terbaik di Malaysia berdasarkan usaha kelestarian kampus serta pengurusan alam sekitar dalam penarafan *UI-Greenmetric World University Ranking 2022*.
21. Kelestarian kampus UMP terus diiktiraf apabila berada di tangga ke 401-450 di dunia dan keenam di Malaysia bagi *QS World University Rankings Sustainability*. UMP terus mengungguli sebagai universiti terbaik dalam MTUN. Ini memperlihatkan komitmen UMP dalam Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) dan menilai usaha universiti dalam menangani masalah dunia berkaitan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG).
22. Lebih membanggakan, kita juga berjaya memperkukuh hubungan baik yang menjangkau usia 13 tahun hasil jalinan kerjasama akademik antara UMP dengan institusi pendidikan di Jerman, UMP-Karlsruhe University of Applied Sciences (HKA) bagi mengembangkan Model Pendidikan Kejuruteraan Jerman (Fachhochschule) dalam sistem pendidikan teknikal negara menerusi program ijazah dual dalam bidang Kejuruteraan Mekatronik, Automotif dan Elektrikal bagi melahirkan lebih ramai graduan kompeten yang mampu menyumbang kepada pembangunan negara. Ini termasuklah Program Kejuruteraan Perniagaan yang akan bersama dengan rakan baharu dari Mannheim University of Applied Sciences (HMA).
23. Sehingga kini, seramai 260 pelajar UMP telah berjaya menamatkan program kerjasama (ijazah dual) membabitkan seramai 124 orang mengikuti Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik dan seramai 81 orang bagi Sarjana Muda Kejuruteraan Automotif. Manakala seramai 55 orang pula berjaya menamatkan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Perniagaan.

24. Selain Jerman dan Kazakh National Agrarian University, program ijazah dual kini diperluas ke negara China. Baru-baru ini, seramai 45 pelajar telah berlepas ke Beijing Jiatong University (BJTU) China bagi mengikuti Program Ijazah Dual UMP-BJTU yang melibatkan bidang Kejuruteraan Awam, Mekanikal dan Elektrikal bagi menyumbang terhadap pembangunan industri rel negara. UMP turut bekerjasama dengan universiti di China termasuk program ijazah dual dengan Universiti Tianjin (TJU) dan program kerjasama dengan Universiti Ningxia (NXU). Manakala program baharu pula melibatkan kerjasama dengan Fakulti Komputeran (FK) dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam (FTKA) bakal diterokai dengan institusi di Korea Selatan.
25. Saya juga ingin memaklumkan hasil kerjasama pihak UMP dengan Majlis Amanah Rakyat (MARA), seramai 17 pelajar kini sedang mengikuti Program Pembangunan Bakat Muda (YTP) bagi menyambung pengajian bermula di peringkat persediaan hingga ke peringkat ijazah pertama di IPT terpilih di luar negara.
26. Dalam bidang penerbitan ilmiah pula berdasarkan sitasi setiap staf akademik merujuk analisa penerbitan Universiti Awam Malaysia (*Scholarly*) menyaksikan UMP berada di tangga ke-8 dengan jumlah keseluruhan 6,982 terbitan. Manakala berdasarkan Analisa Keseluruhan Penerbitan Universiti Awam Malaysia – *Field – Weighted Citation Impact*), UMP berada di tangga kedua dengan nilai 1.28 selepas Universiti Malaya (1.42).
27. Angka dan peratusan yang dikongsikan ini hanyalah sebahagian daripada banyak lagi warna-warni pencapaian dan kejayaan UMP dalam tempoh 21 tahun yang lepas. Saya menyeru kepada seluruh warga agar kita meneruskan usaha menggembelng bakat-bakat yang ada di universiti ini secara strategik bagi memastikan kepakaran teknologinya dapat dibawa ke lapangan bagi manfaat masyarakat.

Saudara-saudari sekalian,

28. Secara umumnya, 31 daripada 40 pernyataan sasaran KPI yang ditetapkan di bawah Pelan Strategik UMP25 telah mencapai status hijau iaitu pencapaian melebihi 90 peratus pada tahun 2022. **TAHNIAH** kepada semua pihak yang telah menyumbang secara berkesan.
29. Pencapaian-pencapaian tersebut membuktikan bahawa UMP memang mampu berdiri sama tinggi dengan universiti-universiti antarabangsa yang ternama sekiranya kita mempunyai kesejajaran pemikiran dan tindakan, sesuai dengan apa yang pernah saya rujuk sebelum ini sebagai *goal congruence* (kesatuan matlamat) yang berasaskan kesiapsiagaan yang realistik (*realistic readiness*).
30. Justeru, sukalah saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih atas pencapaian dan perkhidmatan warga kerja serta mahasiswa UMP sepanjang tahun 2022.

### **MEMAHAMI KONSEP TEKNOLOGI UNTUK MASYARAKAT**

Tuan-tuan dan puan-puan,

31. Penyampaian saya pada hari ini didasari oleh tema 'Melestarikan Kecemerlangan: Teknologi untuk Masyarakat'. Kita akan meneruskan usaha mencapai kegemilangan dan mengungguli bidang akademik, penyelidikan dan inovasi serta meningkatkan keupayaan teknologi yang bakal memberi impak dan mencari solusi penyelesaian masalah industri.
32. 'Teknologi untuk Masyarakat' merujuk kepada gaya pendekatan tindakan UMP dalam menyediakan penyelesaian saintifik, teknikal atau inovasi terhadap sesuatu isu dan masalah yang dihadapi masyarakat dengan menggunakan teknologi.
33. Penyelesaian tersebut secara langsung boleh disalurkan dalam bentuk *hard technology* atau *soft technology* secara *interdisciplinary*, atau dirujuk sebagai



*translational* merentasi pelbagai disiplin ilmu pengetahuan yang tidak terhad kepada bidang Sains Tulen dan Kejuruteraan semata-mata, tetapi turut melibatkan bidang Sains Sosial dan juga Sastera.

34. Lebih bermakna apabila konteks sumbangan UMP ini berkisar kepada keperluan 17 Sasaran Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals* – SDG) dengan indikator yang telah disepakati di peringkat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) untuk dicapai menjelang tahun 2030.
35. Bagi memastikan kelestarian jaringan ini dengan manfaat jangka panjang kepada komuniti, penyelidik yang terlibat perlu membina keakraban dengan komuniti sasaran selain mengekalkan hubungan yang erat dengan industri dan pembuat dasar dalam ekosistem yang saksama.
36. Saya yakin, UMP mempunyai kapasiti dari sudut sumber, bakat dan kepakaran yang membolehkan kita merealisasikan visi dan misi UMP ini. Demi mencapai visi penting ini, pada hari ini saya ingin menetapkan lapan (8) iltizam untuk kita capai hala tuju yang akan menjadi kompas pergerakan kita.

**(i) Iltizam Satu: Memacu Pendidikan TVET**

Tuan-tuan dan puan-puan,

37. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, bertitah sempena Istiadat Pembukaan Penggal Kedua, Parlimen Ke-15 pada 13 Februari 2023 bahawa baginda menyokong usaha pendidikan TVET terus diperkasakan. Antara pendekatan baharu bagi mencapai maksud ini termasuklah usaha sama di antara pihak awam dengan swasta iaitu pihak industri menerajui pengoperasian institusi TVET awam bagi memastikan graduan institusi tersebut dilatih berdasarkan keperluan semasa institusi setempat.

38. Justeru, sebagai salah sebuah universiti dalam MTUN, peranan UMP amat signifikan dalam memacu pendidikan TVET negara. Begitu juga seperti yang dihasratkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi dalam ucapan beliau tempoh hari berkenaan dengan azam ketujuh beliau iaitu untuk melakukan rombakan besar-besaran terhadap sistem dan ekosistem TVET nasional, kita sentiasa bersedia untuk menyahut seruan tersebut.
39. Dalam kalangan universiti-universiti MTUN, UMP kini berada pada kedudukan yang amat baik. Kedudukan tersebut menunjukkan universiti ini telah berada di landasan yang betul dalam memastikan pendidikan TVET aras tinggi di negara ini sentiasa diberikan perhatian yang serius. Hal ini selari dengan Objektif Strategik yang pertama (OS1) di dalam Pelan Strategik UMP25 iaitu Keunggulan TVET Aras Tinggi.
40. Asas kepada penubuhan UMP adalah sebagai sebuah universiti yang bidang tujuhnya adalah TVET. Asas ini tidak pernah berubah sepanjang 21 tahun kewujudan UMP yang kita sayangi.
41. Justeru, iltizam saya yang pertama ialah menjadikan UMP sebagai universiti yang memacu pendidikan TVET aras tinggi. Untuk makluman semua, ketika ini UMP melaksanakan 50 peratus program akademik berasaskan TVET dan 50 peratus program akademik berasaskan Kejuruteraan. Bagi meneruskan kelestarian kecemerlangan, UMP akan melaksanakan 60 peratus program berasaskan TVET dan 40 peratus berasaskan Kejuruteraan menjelang tahun 2025 melalui inisiatif-inisiatif berikut.
42. Yang pertama, semakan semula program akademik agar bersesuaian dengan keperluan program yang berasaskan TVET. Yang kedua, mewujudkan lebih banyak program akademik baharu yang berasaskan TVET. Yang ketiga, membangunkan mekanisme pengukuran baharu bagi mengukur pelaksanaan program akademik yang berasaskan TVET. Ketiga-tiga inisiatif hendaklah dibangunkan selari dengan hasrat

untuk menyediakan pendidikan yang luwes pada masa akan datang dan akan digerakkan secara bersepadu oleh Jabatan Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa serta Penolong Naib Canselor TVET.

43. UMP sememangnya bertekad untuk merealisasikan nisbah 60:40 program berasaskan TVET itu untuk memenuhi hasrat Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi tersebut. UMP juga sentiasa menjaga kualiti program akademiknya untuk memastikan para graduannya dilengkapi dengan *technical know-how* atau pengetahuan teknikal yang relevan serta dapat memenuhi kehendak sektor industri utama negara supaya ekonomi negara ini kekal berdaya saing di peringkat global.
44. Oleh itu, kita akan terus berusaha untuk meningkatkan keupayaan institusi dan sistem TVET agar terus kekal kompetitif dan menepati kehendak pasaran. Sokongan pihak KPT dan pelbagai agensi dalam pelaksanaan sistem akreditasi yang diharmonikan dengan jaminan kualiti membolehkan mobiliti pelajar dalam institusi TVET termasuklah MTUN berjaya.
45. Kita juga akan meningkatkan kualiti dan penyampaian program TVET untuk menambah baik kebolehpasaran graduan melalui pendekatan mengupayakan industri untuk menerajui pembangunan kurikulum, menghapuskan pertindihan program dan sumber, meningkatkan keberkesanan kos serta memperluas pembiayaan TVET bagi meningkatkan enrolmen.
46. Sehingga kini, UMP mempunyai seramai 3,596 orang pelajar Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (15 program), 369 orang pelajar Sarjana Muda Teknologi dengan tujuh (7) program serta Diploma Kejuruteraan/Teknologi Kejuruteraan seramai 1,481 orang (lima program). UMP sentiasa berusaha untuk meningkatkan libat sama dengan pihak industri dari semasa ke semasa demi memastikan kurikulum TVET di universiti ini kekal relevan dalam menghasilkan graduan holistik yang dapat memenuhi permintaan industri yang sering berubah-ubah.

47. Selain itu, kita juga perlu mengekalkan kerjasama strategik dengan institusi-institusi penyedia TVET utama di negara kita seperti Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM), Kolej Yayasan Felda, Politeknik, Kolej Komuniti, Kolej Vokasional dan agensi lain seperti Jabatan Pembangunan Kemahiran di bawah Kementerian Sumber Manusia. Ini adalah kerana institusi-institusi tersebut merupakan potensi *feeder* pelajar-pelajar aliran TVET untuk UMP pada masa kini dan akan datang. Perkara ini penting untuk kita berikan perhatian yang berfokus bagi meningkatkan enrolmen pelajar di UMP pada tahun-tahun mendatang.

(ii) **Itizam Dua: Pemerksaan Mahasiswa**

Tuan-tuan dan puan-puan,

48. Itizam saya yang kedua adalah Pemerksaan Mahasiswa. Mahasiswa merupakan tonggak utama sesebuah institusi pengajian tinggi kerana mereka merupakan kelompok terbesar yang menjadi sebahagian daripada warga universiti. Mahasiswa adalah pemegang taruh (*stakeholder*) kita yang paling besar dan mereka sewajarnya menjadi asas utama pencapaian sesebuah universiti. Pengukuran kejayaan sesebuah universiti itu juga adalah berasaskan kejayaan menghasilkan graduannya yang holistik.

49. Sepanjang 21 tahun usia penubuhan universiti ini, UMP amat menitikberatkan soal kebajikan dan pembangunan mahasiswanya. Ia adalah kerana UMP ingin melahirkan graduan holistik yang mandiri, berdaya saing dan berupaya untuk mencorakkan masa depan yang lebih gemilang untuk negara kita yang tercinta ini. Justeru, agenda pemerksaan mahasiswa ini perlu dipergiat dan diberikan nafas baharu.

50. Universiti merupakan medan intelektual terbuka. Di sinilah tempat berlakunya perdebatan teori, perbincangan dalam wacana dan perkongsian ilmu yang meriah dan terbuka. Hal ini kerana mahasiswa bukanlah satu produk yang dihasilkan di dalam satu kilang yang dinamakan universiti tetapi mereka merupakan modal insan yang bakal mewarisi tampuk kepimpinan dan kemajuan negara. Oleh itu, UMP melalui Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) akan memberikan tumpuan terhadap lima (5) fokus pemerkasaan mahasiswa:

- Pertama: Merealitikan *Digital Native*;
- Kedua: Kesatuan Pelajar (*Student Union*);
- Ketiga: Perniagaan Pelajar;
- Keempat: Kedewasaan Mahasiswa; dan
- Kelima: Memanusiakan Manusia.

51. Dalam usaha untuk memastikan fokus pemerkasaan mahasiswa berupaya direalisasikan, universiti akan melaksanakan inisiatif-inisiatif berikut:

- Pertama: Pembinaan citra dan jati diri A.D.A.B;
- Kedua: Pemerkasaan ekosistem pembangunan pelajar dan pengalaman kehidupan kampus;
- Ketiga: Memaknakan fungsi kesatuan pelajar (*student union*);
- Keempat: Model baharu bisnes siswa dan skim pembiayaan mikro UMP
- Kelima: Mewujudkan skim perantisan siswa, dan
- Keenam: Mempromosikan *Gap Year* dalam kalangan siswa

52. Hasil daripada enam (6) inisiatif ini, UMP berupaya untuk melahirkan seorang modal insan yang dilengkapi dengan *hardskills* dan *softskills* yang mencukupi supaya mampu bersaing di pasaran kerja tempatan yang semakin mencabar dewasa ini. Umum mengetahui bahawa matlamat akhir bagi seseorang mahasiswa adalah untuk mendapat pekerjaan dengan gaji premium ataupun mencipta peluang pekerjaan dengan menjadi seorang usahawan. Oleh itu, saya ingin menyarankan agar

mahasiswa merebut peluang ini untuk bergiat aktif melalui proses ataupun inisiatif yang telah dibangunkan oleh pihak JHEPA.

53. Menyentuh soal kebolehpasaran graduan khususnya graduan prasiswazah, UMP telah merancang beberapa inisiatif baharu demi memastikan peratusan kebolehpasaran graduan (*Graduate Employability*) prasiswazah kita terutamanya terus kekal melebihi sasaran 90 peratus setiap tahun. Peratusan kebolehpasaran graduan UMP pada tahun 2022 iaitu 98.67 peratus adalah yang tertinggi dicatatkan setakat ini. Pencapaian ini amat membanggakan kita kerana ia menggambarkan bahawa graduan lepasan UMP mendapat permintaan yang tinggi di pasaran kerja negara ini serta setara dengan graduan lepasan IPT lain terutamanya yang berasaskan Sains dan Teknologi.
54. Peratusan kebolehpasaran graduan (*Graduate Employability*) ini penting untuk menarik minat bakal pelajar yang berkualiti untuk terus menjadikan UMP sebagai pilihan utama mereka dalam menentukan hala tuju kerjaya selepas tamat belajar kelak. Selain itu, peratusan ini juga penting untuk menjadikan universiti ini lebih kompetitif bukan hanya di peringkat tempatan malahan di peringkat global. Untuk itu, UMP perlu terus berupaya untuk menghasilkan graduan holistik yang mempunyai citra dan jati diri yang kukuh melalui inisiatif-inisiatif pemeraksanaan mahasiswa tersebut setelah berada selama beberapa tahun di universiti ini.
55. Para mahasiswa perlu *visible* dengan penghasilan karya-karya yang memanfaatkan masyarakat. Kita juga menggalakkan universiti untuk menyuburkan budaya dialog, forum, debat, wacana dan program-program lain yang bersifat intelektual ke arah memberikan penyelesaian kepada masalah masyarakat untuk membangunkan negara.
56. Seiring dengan hasrat Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi, universiti akan memaknakan fungsi Kesatuan Pelajar (*Students' Union*) yang membolehkan para mahasiswa mempunyai lebih banyak peranan, peluang dan tanggungjawab di dalam

proses membuat keputusan di universiti. Antara inisiatif-inisiatif yang akan dilaksanakan adalah:

- (i) Kebebasan dan Kuasa yang Bersesuaian;
- (ii) Kepercayaan dan Mandat Membuka Perniagaan;
- (iii) Mengurus Kewangan Persatuan;
- (iv) Merancang Cara Bekerja Sendiri; dan
- (v) Memperjuang Agenda Mahasiswa.

57. Kita akan turut memberikan penekanan dalam pemerksaan mahasiswa dengan mempromosikan pengambilan tahun senggang (*gap year*) agar mahasiswa dapat meneroka minat diri dan menyumbang kepada masyarakat melibatkan aktiviti atau program seperti:

- (i) Khidmat Komuniti;
- (ii) Kesukarelawanan;
- (iii) Keusahawanan Sosial; dan
- (iv) Mengembara/Mobiliti di Luar Negara.

58. Di samping itu juga, dalam proses 'memanusiakan manusia', UMP mempunyai formula tersendiri bagi mencorakkan pencapaian unggul mahasiswa secara holistik yang dilaksanakan menerusi Akademi Adab Universiti Malaysia Pahang (ADAB@UMP) yang merupakan penjenamaan daripada Pusat Kokurikulum UMP.

59. Bagi melahirkan insan yang berakhlak mulia, seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek, pihak universiti telah melaksanakan konsep pembangunan pelajar melalui konsep kepimpinan A.D.A.B iaitu, *A-Attitude* (Adab), *D-Dynamic* (Dinamik), *A-Agile* (Pantas) dan *B-Balance* (Seimbang) yang akan menjadi DNA pelajar UMP di mata dunia.

60. Penglibatan mahasiswa di dalam aktiviti-aktiviti kokurikulum menjadi agenda utama universiti berdasarkan lapan (8) Teras Pembangunan Mahasiswa yang terdiri daripada Kepimpinan, Kebudayaan, Kesukanan, Khidmat Komuniti, Kesukarelawan, Keusahawanan, Daya Usaha dan Inovasi serta Pengucapan Awam.

**(iii) Iltizam Tiga: Melonjak Kebitaraan Akademia**

Tuan-tuan dan puan-puan,

61. Iltizam saya yang ketiga adalah Melonjak Kebitaraan Akademia. Antara sumber kekuatan sesebuah universiti itu terletak pada staf akademiknya yang berkualiti dan berketerampilan. Staf akademik ialah golongan cendekiawan yang menjadi pemangkin kepada penyelidikan dan kajian penting untuk menghasilkan penemuan-penemuan baharu yang bermanfaat demi kebaikan manusia sejagat. Selain itu juga, staf akademik merupakan guru yang akan melahirkan modal insan yang akan menyumbang kepada pembangunan negara.
62. Pada tahun 2022, UMP telah menempa kejayaan apabila seramai 22 orang pensyarahnya yang telah diiktiraf dalam kalangan 2 peratus saintis terbaik dunia. Jumlah ini meningkat berbanding seramai hanya 12 orang yang telah diiktiraf dalam kalangan 2 peratus saintis terbaik dunia pada tahun sebelum itu. Ini telah membuktikan bahawa UMP tidak kekurangan bakat bermutu dalam kalangan staf akademiknya.
63. Bagi meneruskan kebitaraan dan meningkatkan kesarjanaan ini, saya ingin melihat lebih ramai pensyarah UMP memperoleh pengiktirafan sama ada di peringkat nasional ataupun antarabangsa. Jadi, kita wajar mempunyai satu sistem yang komprehensif bagi menilai prestasi dan sumbangan staf akademik mengambil kira sumbangan sebenar berdasarkan fungsi dan tujuh (7) skop tugas utama sebagai seorang pensyarah serta sumbangan terhadap Petunjuk Prestasi Utama (PPU) di bawah Pelan Strategik UMP. Inisiatif ini akan digerakkan di bawah tindakan Jabatan Pendaftar.



64. Saya suka untuk mengingatkan tujuh (7) skop tugas utama sebagai pensyarah yang perlu dihayati oleh setiap tenaga pengajar. Pertama, kita mesti terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran (PnP). Kedua, tugas penyeliaan. Ketiga, penyelidikan. Keempat, perundingan. Kelima, penerbitan/penulisan. Keenam, pengurusan. Manakala yang ketujuh, penglibatan dalam khidmat masyarakat.
65. Oleh hal yang demikian, warga akademik UMP seharusnya meningkatkan usaha dan tindakan dalam memastikan pelaksanaan tujuh (7) skop utama ini diterjemahkan bagi meningkatkan keberhasilan kualiti kerja yang lebih bermutu. Contohnya, dengan menerbitkan jurnal berimpak tinggi, pembaharuan dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berasaskan digital dan pengkomersialan hasil kajian yang mampu menyumbang kepada masyarakat. Selain itu, kepimpinan dalam kalangan warga akademik UMP perlu digilap dan dibangunkan secara lebih berfokus agar UMP tidak ketandusan bakat kepimpinan. Besarlah harapan saya untuk melihat warga akademik UMP menjadi rujukan industri dan membantu ke arah penyelesaian masalah industri. Seterusnya, menambah keyakinan dan kepercayaan masyarakat untuk memilih UMP sebagai IPT utama untuk menyambung pengajian.

**(iv) Iltizam Empat: Penyelidikan Berimpak, Menyejahterakan Komuniti**

Tuan-tuan dan puan-puan

66. Universiti ialah sebuah gedung ilmu yang terhimpun di dalamnya para sarjana dalam pelbagai bidang atau disiplin ilmu pengetahuan. Institusi mulia ini berfungsi sebagai penjana kepada penerokaan ilmu-ilmu baharu yang amat bernilai dan menjadi pemangkin kepada keagungan sesebuah tamadun yang dibina. Sejak berabad-abad lamanya, universiti telah menjadi lambang kemajuan intelektual berbagai-bagai tamadun agung dunia seperti yang tercatat dalam lipatan sejarah.

67. Antara universiti-universiti agung dunia yang terkenal ialah Universiti Al-Qarawiyyin di Fez, Maghribi yang diiktiraf sebagai sebuah universiti tertua di dunia yang diasaskan pada tahun 859 Masihi dan masih beroperasi sehingga kini. Selain itu, Universiti Al-Azhar di Mesir yang turut diiktiraf sebagai universiti kedua tertua dunia juga adalah antara universiti agung dalam Dunia Islam yang diasaskan pada tahun 970 Masihi dan hingga kini masih juga menghasilkan cendekiawan dalam pelbagai bidang ilmu khususnya Pengajian Islam.
68. Tidak dilupakan, universiti-universiti terkenal lain di dunia Barat seperti Universiti Bologna, Itali yang merupakan sebuah universiti tertua di benua Eropah yang bermula pada tahun 1158 Masihi, Universiti Oxford dan Universiti Paris pada kurun ke-12 Masihi, Universiti Cambridge, Universiti Arezzo, Universiti Padua dan lain-lain lagi yang diasaskan pada kurun ke-13 Masihi. Di institusi-institusi tersebut, para cendekiawan berhimpun untuk membicarakan pelbagai bidang ilmu, menerokai bidang-bidang baharu, mengajar dan menghasilkan sesuatu inovasi yang kreatif serta bermanfaat untuk semua. Selain itu, aktiviti penterjemahan karya-karya agung antara kedua-dua gedung ilmu di dunia Islam dan Barat turut berlaku yang merevolusikan pelbagai bidang dan cabang ilmu baharu.
69. Oleh itu, iltizam saya yang keempat adalah Penyelidikan Berimpak, Menyejahterakan Komuniti. UMP sentiasa mengiktiraf keserjanaan dan penyelidikan-penyelidikan berkualiti yang dijalankan oleh ahli-ahli akademiknya. Ini dibuktikan dengan penganjuran majlis Anugerah Cendekia Bitara setiap tahun bagi menghargai sumbangan para sarjananya dalam pelbagai bidang ilmu yang terbilang dalam lapangan penyelidikan, inovasi, pengkomersialan dan penerbitan. Majlis ini merupakan satu wahana penting untuk memotivasikan para sarjana di UMP agar terus aktif menghasilkan penulisan berkualiti untuk mengembangkan intelektualisme terutamanya berasaskan Sains dan Teknologi yang diterbitkan dalam pelbagai jurnal ilmiah yang mempunyai *high impact*.

70. Slogan UMP yang diketahui umum adalah 'Teknologi untuk Masyarakat'. Pencapaian UMP dalam penyelidikan adalah suatu pencapaian yang membanggakan. Namun begitu, sebagai sebuah universiti, UMP perlu memainkan peranan yang lebih efektif dalam membantu meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat. Justeru, UMP mestilah dilihat mampu menawarkan penyelesaian yang berasaskan teknologi kepada masyarakat. Oleh yang demikian, penyelidikan-penyelidikan di UMP mestilah berasaskan kepada potensi penawaran penyelesaian masalah yang berasaskan teknologi kepada masyarakat.
71. Justeru, saya ingin menyeru semua penyelidik terlibat secara aktif dalam ekosistem penyelidikan dan pengkomersialan. UMP melalui Jabatan Penyelidikan dan Inovasi akan menggerakkan secara aktif inisiatif berikut:
- (i) Pertama, KPI 2B(1) Projek menaik taraf keupayaan teknologi komuniti oleh UMP (*Made in UMP*) menerusi inisiatif Geran Pembangunan Produk (PDU) dan Geran *Made In UMP*;
  - (ii) Kedua, KPI 2B(2) Staf akademik yang memiliki geran padanan UMP-Industri menerusi inisiatif *Seed Money for Project Hunting, Consortium & Committee Research Working Group, Strategic Partnership Fee*, Geran Padanan Industri/Antarabangsa/Agensi, dan *Join collaboration (join publication, networking, linkages)*;
  - (iii) Ketiga, KPI 3A(2) Ketua projek geran luar penyelidikan menerusi inisiatif Penawaran Geran Penyelidikan Kerjasama Strategik dan *Project Scouting* bagi Permohonan Geran; dan
  - (iv) Keempat, KPI 3B(2) Penghasilan penemuan atau teknologi pertama di dunia (*First discovery or technology in the world*) menerusi inisiatif Geran *First In The World*.

72. Semua ini tidak akan mampu direalisasikan tanpa keterlibatan warga fakulti dan pusat pengajian. Merekalah enjin sebenar kejayaan Pelan Strategik UMP25.
73. Adalah signifikan untuk kita melihat kembali dan seterusnya menambah baik tadbir urus pembangunan produk, promosi dan kemandirian syarikat. Saranan saya agar kita fokus untuk menubuhkan syarikat *start-up* yang saya percaya merupakan model yang lebih mampan dan akan dibantu oleh UMP.
74. Natijahnya, produk atau perkhidmatan yang berjaya dikomersialkan akan lebih berdaya saing dan memberi manfaat yang besar kepada masyarakat.

#### **(v) Iltizam Lima: Agenda Pembangunan Bakat**

Hadirin yang dihormati,

75. Warga kerja adalah tulang belakang sesebuah institusi. Tanpa staf yang berdedikasi dan mahir, universiti tidak akan dapat memenuhi misi untuk menyediakan pendidikan berkualiti tinggi, menjalankan penyelidikan, dan melayani komuniti. Universiti mengiktiraf kepentingan untuk melabur dalam warga kerjanya dan komited untuk menyediakan sumber, sokongan, dan penghormatan yang diperlukan agar staf dapat melaksanakan peranan mereka dan mencapai matlamat profesional. Ini termasuklah memberikan peluang latihan dan pembangunan profesional untuk memastikan staf sentiasa berada di tahap terkini dengan pengetahuan dan kemahiran terbaharu yang diperlukan untuk berjaya dalam peranan mereka.
76. Seharusnya pengurusan dan pengendalian kedua-dua kumpulan bakat ini wajar diberi perhatian. Dalam kalangan kumpulan bakat akademik, fokus adalah kepada teras kepimpinan, manakala kumpulan pentadbir profesional dan sokongan, tumpuan adalah kepada kemahiran mengurus dan mentadbir organisasi.

77. Pentadbir universiti perlu bergerak ke arah kemahiran komprehensif yang didasari konsep 3R iaitu menjadi kumpulan yang *Relevant* (Relevan), *Respected* (Dihormati) dan *Referred* (Dirujuk). Mereka perlu cekap, berpengetahuan dan berkemahiran dalam pelbagai aspek pengurusan universiti seperti pengurusan sumber manusia, kewangan, dan fasiliti untuk memastikan keberkesanan operasi universiti. Di samping itu, pentadbir juga perlu memastikan kepatuhan universiti terhadap peraturan dan garis panduan yang ditetapkan oleh badan-badan kerajaan.
78. Oleh itu, semua pentadbir UMP perlu mengangkat diri dan bakat masing-masing di suatu tahap yang tinggi supaya pemikiran anda juga berada pada tahap tersebut. Bukan sekadar melaksanakan tugas pentadbiran tanpa melihat bagaimana segala tindak tanduk dan hasil kerja akan mempengaruhi pertumbuhan jangka masa panjang universiti. Dengan kepakaran yang utuh dan integriti yang ampuh, kita akan berjaya menyelesaikan segala masalah yang dihadapi dengan baik serta membantu membangunkan universiti.
79. Justeru, iltizam saya yang kelima ialah memastikan pembangunan bakat diteruskan sebagai salah satu agenda utama untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan universiti.
80. Kita perlu memfokuskan usaha kita untuk membangunkan bakat-bakat terbaik dalam kalangan staf supaya tercipta warga yang egalitarian, berilmu dan berbudaya tinggi. Pembangunan bakat yang berkesan memerlukan usaha yang berterusan dan kerangka besar, selaras dengan amanat KPT baru-baru ini yang menyatakan bahawa setiap IPT mesti mengemukakan Pelan Pengekalan dan Asuhan Bakat Terbaik. Jadi apakah rancangan atau strategi tersebut?
81. UMP akan mengambil inisiatif untuk membangunkan Model Pembangunan Bakat yang mampan serta mengambil kira warga akademik dan pentadbir (profesional dan sokongan). Model ini berasaskan Model *National Top Talent* yang

bertumpu pada perancangan penggantian pengurusan utama universiti dan peningkatan kemahiran (*upskilling*) dalam kalangan pentadbir UMP mengikut acuan serta budaya yang berteraskan nilai teras universiti.

82. Satu *task force* telah dibentuk di peringkat Jabatan Pendaftar bagi memastikan model ini berjaya dilaksanakan. Sasaran inisiatif ini adalah untuk menghasilkan:

- Pertama: kelompok bakat pemimpin dalam perancangan penggantian;
- Kedua: pentadbir terlatih yang berprinsipkan 3R (Relevan, Dihormati, Dirujuk); dan
- Ketiga: DNA warga kerja UMP yang berasaskan nilai teras UMP.

83. *Distinctive and Noble Attributes* (DNA) adalah ciri-ciri unik dan mulia yang menjadi identiti atau jati diri UMP. Ia mewakili nilai-nilai budaya UMP dan menentukan gaya hidup serta cara berfikir warga UMP. DNA warga pentadbir adalah:

- Hubungan yang kuat dengan Yang Maha Pencipta;
- Teguh dalam mempertahankan prinsip yang disepakati;
- Kreatif dalam membuat keputusan yang bijaksana;
- Cekal dalam menghadapi cabaran; dan
- Proaktif dalam tindakan.

84. Kepada semua warga kerja UMP, jelas di sini bahawa DNA yang dinyatakan adalah bersandarkan nilai teras UMP itu sendiri. Oleh itu, ia seharusnya telah berakar umbi di dalam diri anda sejak hari pertama anda menjadi warga staf UMP.

#### **(vi) Iltizam Enam: Kelestarian Kewangan**

Saudara-saudari yang dihormati sekalian,

85. Kemandirian universiti adalah penting untuk kita capai demi kestabilan pengoperasian jangka panjang. Namun, untuk mencapai matlamat tersebut, ia memerlukan sumber kewangan yang mencukupi dan lestari. Universiti tidak boleh hanya bergantung pada kewangan daripada kerajaan semata-mata kerana kebergantungan seperti ini boleh memberi impak negatif kepada universiti. Kita tidak akan mempunyai kawalan sepenuhnya ke atas sumber kewangan kita dan akan mudah terjejas sekiranya terjadi perubahan dalam polisi atau peruntukan kewangan oleh kerajaan.
86. Oleh itu, universiti perlu mencari sumber kewangan alternatif seperti menjalinkan kerjasama dengan sektor swasta, mencari dana daripada yayasan dan agensi lain, serta memaksimumkan usaha penjana pendapatan daripada kewangan dalam universiti itu sendiri.
87. Justeru, iltizam saya yang keenam adalah untuk memastikan kemampuan kewangan universiti. Saya bertekad untuk menjayakan azam ini melalui dua (2) inisiatif utama iaitu:
- (i) Penubuhan Kursi; dan
  - (ii) Pengukuhan Dana Endowmen.
88. Sebagai maklumat asas, kursi merupakan satu bentuk dana endowmen yang disumbangkan oleh penyokong atau penderma kepada universiti untuk menyokong pelbagai program dan inisiatif universiti seperti penyelidikan, program bantuan kewangan, pengembangan akademik, dan lain-lain. Dana kursi ini kebiasaannya disimpan di dalam akaun pelaburan jangka panjang. Pendapatan daripada pelaburan tersebut akan digunakan untuk tujuan yang ditetapkan oleh penyumbang.
89. Dalam konteks UMP, kita akan memfokuskan kursi yang berasaskan penyelidikan. Untuk mencapai matlamat ini, Jabatan Penyelidikan dan Inovasi akan mengetuai jawatankuasa bagi memastikan kejayaan penubuhan kursi UMP yang pertama. UMP

menetapkan sasaran sebanyak RM3 juta yang ingin dicapai melalui kontrak kajian, perundingan, atau sumbangan dengan jumlah minimum RM500,000. Kami akan memastikan bahawa dana kursi yang diperoleh akan disalurkan kepada program-program yang berfaedah dan dapat membantu dalam pembangunan penyelidikan di UMP.

90. Inisiatif kedua yang ingin saya kongsi adalah mengenai pengukuhan dana endowmen yang berbeza daripada dana kursi tadi. Usaha universiti untuk mengumpul dan menguruskan dana daripada orang ramai, syarikat dan institusi adalah bagi kegunaan kebajikan mahasiswa UMP serta membiayai program pendidikan, kemasyarakatan dan menyediakan kemudahan pembelajaran tambahan yang digunakan oleh pelajar dan universiti. Usaha ini juga digabungkan dengan menyokong inisiatif SDG dan ESG supaya selari dengan hasrat di peringkat nasional dan global.
91. Sebelum ini, inisiatif ini dikenali sebagai *MyGift* UMP dan diperkasakan pada tahun 2020 menjadi Yayasan UMP sebagai platform yang lebih baik kepada penyumbang dan penerima manfaat.
92. Sehingga tahun 2023, Yayasan UMP telah mengagihkan sebanyak RM17 juta kepada mereka yang memerlukan berdasarkan objektif yang telah ditetapkan. Sehingga kini, seramai 12,000 orang telah menerima manfaat daripada program dan bantuan yang dijalankan. Sebanyak sepuluh (10) tabung utama diwujudkan di bawah Yayasan UMP agar ruang dan peluang untuk penyumbang menderma lebih terarah.
93. Kejayaan pelaksanaan agihan ini, salah satunya merupakan sumbangan warga UMP daripada pelbagai bentuk terutamanya melalui sumbangan potongan gaji. Inisiatif bantuan ini boleh dilihat dengan peningkatan bantuan zakat pelajar, bantuan awal pendidikan untuk pelajar baharu, biasiswa, bantuan komputer riba, bantuan kupon makanan, wakaf Kolej Mawaddah dan lain-lain. UMP juga merupakan antara



lapan (8) universiti awam (UA) terawal yang telah melaksanakan inisiatif Biasiswa SULUNG. Inisiatif ini diwujudkan bagi membantu pelajar B40 yang menjadi individu pertama dalam keluarga yang menjejakkan kaki ke menara gading. Semua manfaat ini terbuka kepada semua pelajar B40 termasuk pelajar OKU.

94. Bagi menyokong inisiatif ini, saya ingin mengajak warga kerja UMP untuk turut sama menyumbang secara lestari melalui potongan gaji. Bayangkan, dengan seramai 1,838 orang staf UMP ketika ini yang membuat potongan gaji sebanyak RM5.00 sebulan, kita boleh memperoleh kutipan sebanyak RM110,280.00 setahun yang bakal memberi manfaat kepada pelajar, staf, universiti dan komuniti. Tahun ini, Yayasan UMP menyasarkan seramai 50 peratus staf menyumbang melalui potongan gaji. Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada 300 orang (16 peratus) staf UMP yang telah menyumbang melalui potongan gaji ketika ini yang mana sebanyak 65 peratus adalah daripada kumpulan pengurusan profesional dan sokongan manakala 35 peratus daripada kumpulan akademik. Semoga tuan-tuan dan puan-puan sentiasa dimudahkan rezeki dan diberkati oleh Allah SWT.
95. Selain itu, dalam usaha universiti untuk meningkatkan sumber pendapatan yang akan disalurkan kepada program kebajikan bagi manfaat pelajar dan golongan memerlukan, UMP melalui Yayasan UMP telah melaksanakan penjualan siri nombor pendaftaran khas iaitu 'UC'. Alhamdulillah, setelah setahun pelaksanaan penjualan, kita telah berjaya menjual sebanyak 3,017 unit dengan hasil kutipan sebanyak RM3.35 juta. Saya ingin mengumumkan bersempena Sambutan Ulang Tahun UMP Ke-21 Tahun, diskaun sehingga 44 peratus untuk warga UMP ditawarkan, berbeza dengan harga yang ada di pasaran. Bagi yang berminat, kaunter penjualan turut dibuka di belakang dewan ini.
96. Bagi setiap sumbangan ke Tabung Yayasan UMP, para penyumbang layak mendapat pengecualian cukai berdasarkan sumbangan di bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 selain ia turut memberi impak kepada penarafan universiti di

peringkat nasional dan global. Usaha ini secara tidak langsung akan terus melestarikan kualiti pendidikan, penyelidikan dan kebajikan.

97. Kedua, kita akan mempergiatkan lagi perolehan dana sumbangan korporat. Terdapat banyak syarikat yang ingin membantu dan memberikan sumbangan kepada universiti. Saya akan berusaha untuk membangunkan lagi kerjasama dengan syarikat-syarikat ini dan berkongsi tentang kesedaran dan kefahaman mengenai kepentingan memupuk pendidikan dan mengekalkan kemajuan ekonomi melalui sumbangan kepada universiti kita.
98. Ketiga, pembayaran dividen daripada anak syarikat sebanyak 50 peratus daripada keuntungan sebelum cukai untuk penjana kewangan universiti. Sebagai anak syarikat induk, UMP Advanced dan UMP Holdings Sdn. Bhd. perlu memberi fokus kepada *core business* dan kekuatan anak syarikat itu sendiri untuk memajukan lagi bisnes yang secara langsung akan dapat menjana pendapatan universiti.
99. Saya percaya bahawa dengan pelaksanaan dua inisiatif ini, UMP akan menjadi institusi yang lebih kuat dan kekal berdaya saing serta bersedia untuk bertindak pada setiap perubahan dan mencari jalan penyelesaian bagi setiap cabaran yang muncul.

#### **(vii) Iltizam Tujuh: Kelestarian Ekosistem**

Saudara-saudari sekalian,

100. Sebagai sebuah universiti yang berfokuskan Kejuruteraan, Sains, Teknologi, Pengurusan dan TVET aras tinggi, kita tidak akan lari jauh malahan seharusnya berfikir hadapan berbanding universiti awam lain tentang kemahiran termaju yang relevan seperti pendigitalan, inovasi sains dan automasi. Pendigitalan UMP merupakan suatu usaha untuk memodenkan sistem pengurusan universiti dan memperkemas lagi platform komunikasi yang sedia ada di UMP. Dengan adanya

digitalisasi ini, maka sistem pengurusan universiti akan diubah menjadi lebih terkini dan moden.

101. Selain itu, universiti ini mempunyai tanggungjawab untuk menjadi sebuah universiti yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk mengatasi isu-isu kelestarian yang semakin menjadi perhatian dunia. Kita perlu meletakkan diri di barisan hadapan dan berusaha untuk memperkenalkan teknologi serta amalan kelestarian kepada masyarakat, mendidik serta yang lebih utama menjadi suri teladan (*role model*) mengenai prinsip-prinsip kelestarian.
102. Justeru, iltizam saya yang ketujuh ialah kelestarian ekosistem menerusi perancangan Kampus Pintar dan Kampus Lestari.
103. UMP sememangnya telah lama mengaplikasikan pengurusan maklumat secara dalam talian. Infrastruktur ICT atau teknologi maklumat yang menjadi asas kepada pengurusan ini akan terus berubah dan kompleks. Justeru, pelaksanaan Kampus Pintar memberi tumpuan kepada peningkatan infrastruktur ICT yang terkini dan pembangunan platform IoT bagi penyelesaian pintar.
104. Kita telah membuat kemajuan yang ketara dalam pembangunan Kampus Pintar. Pada tahun 2022, tujuh (7) inisiatif yang dijadualkan telah mencapai kemajuan signifikan dengan 84 peratus kemajuan secara keseluruhan berbanding sasaran 75 peratus dalam suku keempat. Namun, masih banyak usaha perlu dilakukan bagi memastikan pada tahun 2025, kita akan mencapai sasaran 90 peratus dalam pembangunan Kampus Pintar melalui inisiatif-inisiatif seperti berikut iaitu:
  - (i) Pertama: Pelaksanaan fasa kedua Persekitaran Pembelajaran Maya (*Virtualized Learning Environment*). Ini akan melibatkan penambahan *Virtual Desktop Interface* (VDI) daripada 50 lesen pada tahun 2022 kepada 500 lesen serentak pada tahun ini. Dua (2) buah fakulti iaitu Fakulti

Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKEE) dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dan Mekatronik (FTKPM) telah menggunakan lesen tersebut bermula tahun lepas untuk menyediakan pengalaman pembelajaran yang lebih luwes dan mudah diakses bagi pelajar UMP. Jangkaan kita ialah 500 lesen pada tahun 2025.

- (ii) Kedua: Kita juga akan terus berusaha untuk meningkatkan *Connectivity* di kampus dengan projek *Network Refresh Phase 2* yang kini telah mencapai sasaran kemajuan sebanyak 30 peratus. Projek ini memberi tumpuan kepada pencapaian 90 peratus liputan di kedua-dua kampus dan akan dilaksanakan di lapan (8) zon di UMP Pekan dan empat zon di UMP Gambang.
- (iii) Ketiga: Inisiatif utama lain tahun ini adalah menyiapkan Pusat Kawalan Bersepadu atau *Integrated Command Centre* yang mempunyai Platform Analitik Data, Platform Pengawasan Pintar, dan Pusat Operasi Pintar. Kita telah berjaya membangunkan platform analitik data pada tahun lepas, dan usaha akan disambung pada tahun ini dengan menaikkan Platform Pengawasan Pintar pula.
- (iv) Keempat: UMP akan melancarkan UMP Super App, yang akan mempunyai lapan (8) modul untuk staf pada tahun 2023. Aplikasi ini akan memberikan cara yang lebih lancar dan cekap bagi staf untuk mengakses maklumat dan sumber penting.
- (v) Kelima: Projek *Smart Campus Autonomous Vehicle* (SCAV) juga telah membuat kemajuan yang ketara dan kini sudah mencapai 90 peratus penyelesaian. Pada tahun ini, kita akan terus mengintegrasikan perkakasan dan perisian model SCAV supaya model ini boleh digunakan di dalam kampus kita.

(vi) Keenam: Yang terakhir untuk Kampus Pintar ialah fasa kedua ID Digital iaitu dengan memberi tumpuan kepada penyelesaian integrasi dalaman untuk tahun 2023. Dengan melaksanakan sistem ID Digital, UMP boleh menyelaraskan proses mengakses pelbagai perkhidmatan di kampus dan meningkatkan keselamatan dengan mengurangkan risiko akses tanpa kebenaran. Dalam erti kata lain, sistem ID Digital menyediakan cara yang lebih mudah, cekap, dan selamat untuk menguruskan identiti dan akses di dalam universiti.

105. Selain daripada inisiatif yang telah disebutkan, terdapat juga inisiatif rancangan tahun 2023 yang telah berjaya diselesaikan sepenuhnya lebih awal daripada masa yang dijangkakan iaitu Projek *Document Digital Management System (DDMS)* yang telah selesai pada Disember 2022. Projek di bawah inisiatif utama *UMP Cloud Document Management* ini kini telah digunakan dan peluasan DDMS sedang dilaksanakan kepada PTJ secara berperingkat.

Warga UMP yang dikasihi,

106. Suka juga untuk saya berkongsi bahawa UMP telah mencapai kemajuan yang memberangsangkan dalam usaha memperkasakan amalan lestari melalui pelbagai rancangan universiti yang telah dilaksanakan.

107. Dalam usaha mencapai matlamat Pembangunan Kampus Lestari dalam rancangan 5C(2), UMP telah berjaya mencapai sasaran kemajuan pembangunan kampus lestari sebanyak 83.84 peratus pada Suku Keempat (Q4) 2022, melebihi sasaran sebelumnya iaitu 74 peratus. Ini menunjukkan komitmen UMP dalam membangunkan kampus yang lestari dan mampan.

108. Pada tahun 2023, Inisiatif Kampus Lestari akan dirancakkan dengan beberapa perancangan seperti berikut iaitu:

- (i) Pertama: Perolehan Bas dan Van Elektrik (EV) dengan pembelian dua (2) buah bas dan dua (2) buah van yang dijangka akan diperoleh seawal pertengahan tahun 2023. Ini menunjukkan usaha UMP dalam mengurangkan impak pengangkutan terhadap alam sekitar.
- (ii) Kedua: UMP juga menjalankan rancangan penanaman Tanaman Karas (Gaharu) dengan kerjasama Pusat Bioaromatik. Dengan mengambil kira faktor keluasan tapak yang kita ada, kita menjangkakan penanaman sebanyak 260 batang pokok. Kini, usaha menjalankan kerja-kerja pengairan sedang dilaksanakan bagi memastikan kejayaan penanaman pokok-pokok tersebut.
- (iii) Ketiga: Projek Pengairan Tanaman dan Penghutan Kampus turut dijalankan menerusi kajian penyelidikan *UMP Lestari Smart Irrigation Systems* dengan kerjasama PRiNT (PDU213208) menggunakan Geran PNI. Fasa pemasangan motor tangki dan sistem IoT oleh pihak PRiNT kini sedang dilaksanakan.

109. Pelbagai usaha akan terus dilaksanakan bagi memastikan amalan penjimatan tenaga dan sumber seperti pengurangan penggunaan air bersih (*treated water*) dengan penggunaan peralatan cekap air, penukaran lampu sedia ada kepada lampu jimat tenaga secara berperingkat, serta penjimatan tenaga elektrik.

110. Selain itu juga, pengurangan emisi karbon turut dijadikan agenda utama universiti. UMP bertekad untuk mencapai sasaran neutral karbon pada tahun 2050 dan telah memperkenalkan *UMP Carbon Neutral Roadmap* berdasarkan empat fasa penurunan karbon. Kita telah pun selesai sasaran fasa pertama pada tahun 2022, dan sasaran

fasa kedua iaitu sasaran pada tahun ini adalah pengurangan emisi sebanyak 15 peratus daripada jumlah asal pada tahun 2022 iaitu sebanyak 12,000 tan karbon. Kemudiannya, pengurangan sebanyak 30 peratus ditetapkan pada tahun 2025 dan 45 peratus pengurangan menjelang tahun 2030.

111. Usaha pengurangan karbon dalam UMP turut disokong dengan usaha peralihan kepada tenaga boleh diperbaharui (*renewable energy*). Salah satu inisiatif kita yang selari dengan Matlamat Pembangunan Lestari 7 atau *Sustainable Development Goals* (SDG 7) ialah pengurangan emisi karbon dengan memasang panel solar bumbung di UMP Pekan yang dianggarkan dapat mengurangkan lebih 5,000 tan karbon dioksida setahun dan menghasilkan anggaran penjimatan sebanyak hampir RM700,000.00 jika projek ini berjaya dilaksanakan.
112. Saya percaya bahawa kita akan mencapai matlamat ini sekiranya kita bekerja bersama-sama. Kita harus sentiasa berusaha keras dalam memperkasakan budaya amalan lestari di universiti bagi melindungi alam sekitar dan menyumbang kepada pembangunan mampan.

#### **(viii) Iltizam Lapan: Membangunkan Ekosistem Inklusif**

Hadirin yang dihormati,

113. Dalam membangunkan Malaysia Madani yang inklusif dan lestari seperti yang dititahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dalam Istiadat Pembukaan Penggal Kedua Parlimen Ke-15 pada 13 Februari lalu, Seri Paduka Baginda menekankan betapa pentingnya prasarana dan infrastruktur institusi pendidikan yang selamat dan kondusif bagi memenuhi keperluan pelajar serta memacu kecemerlangan pendidikan dan akan terus menjadi agenda utama negara.

114. Pada peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi pula, mereka mengambil langkah serius dalam menguatkuasakan agenda untuk menyantuni pelajar OKU di IPT. KPT telah merangka beberapa inisiatif seperti menubuhkan Jawatankuasa Perangkuman OKU dalam Pendidikan Tinggi, membangunkan kerangka kampus inklusif untuk meningkatkan kemasukan pelajar OKU ke UA Malaysia (MyU-OKU) dan menguruskan pembiayaan pelajaran bagi pelajar OKU.
115. Selaras dengan matlamat negara dan Kementerian Pendidikan Tinggi, iltizam saya yang kelapan dan terakhir ialah membangunkan Ekosistem Inklusif UMP.
116. Ekosistem Inklusif UMP adalah lingkungan atau sistem yang memastikan keadilan, kepelbagaian dan inklusiviti untuk komuniti orang kurang upaya. Ia melibatkan pengurusan kategori-kategori penting seperti tadbir urus, pengajaran dan pembelajaran, pembangunan kerjaya, aksesibiliti dan ketersambungan persekitaran kampus, serta perkhidmatan sokongan. Melalui pengurusan yang berkesan dalam kategori-kategori ini, UMP mampu memberikan keadilan, kepelbagaian dan inklusiviti kepada komuniti orang kurang upaya di dalam kampus.
117. Untuk mencapai hasrat membangunkan ekosistem inklusif, terdapat dua (2) inisiatif utama yang akan dijalankan oleh UMP:
- (i) Yang pertama ialah Penggubalan Dasar Inklusif UMP. Dasar ini merangkumi perubahan atau penambahbaikan dasar sedia ada dari aspek perjawatan dan akademik. Aspek perjawatan merujuk kepada pengambilan staf OKU, manakala aspek akademik melihat kepada keperluan pelajar berstatus OKU untuk menyempurnakan pembelajaran di UMP. Penggubalan dasar yang inklusif bagi komuniti OKU di universiti sangat penting kerana ia dapat memberi aksesibiliti dan sokongan yang diperlukan oleh mereka. Ini akan membantu mereka dalam menghadapi cabaran-cabaran yang dihadapi sepanjang proses pembelajaran dan pekerjaan.



Untuk makluman para hadirin, UMP adalah di antara lima universiti awam yang telah diberi kepercayaan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi untuk menubuhkan Program Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) di universiti masing-masing. Ini menjadi salah satu pemangkin untuk memastikan dasar ekosistem inklusif ini berjaya digubal serta untuk memastikan segala agenda yang disarankan oleh kementerian dan yang dirancang oleh universiti dapat dijalankan. Sehubungan dengan itu, UMP telah menubuhkan Unit Perkhidmatan Orang Kurang Upaya (OkUMP) pada 15 Disember 2019. Unit ini telah diberikan dana sebanyak RM1.6 juta pada 13 Mei 2022 oleh Kementerian Pendidikan Tinggi untuk menjalankan Program Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK).

Dana yang diberikan ini sangat membantu dalam hasrat UMP untuk memperkasakan Ekosistem Inklusif. Langkah strategik UMP dalam menguruskan dana yang telah diberikan antaranya termasuklah:

- (i) Pembangunan Modul i.K.M.A.L yang bertujuan untuk membantu meningkatkan aksesibiliti dan inklusiviti dalam pembelajaran serta kehidupan di kampus;
- (ii) Pengoperasian PPDK untuk mencapai hasrat UMP dalam menghasilkan PPDK berasaskan teknologi yang akan dapat memberi manfaat kepada komuniti UMP di negeri Pahang; dan
- (iii) Hab Digital OKU. Hab Digital OKU ialah inisiatif untuk memperkenalkan komuniti OKU kepada teknologi dan penggunaan peralatan digital. Melalui inisiatif ini, UMP berharap agar pelajar OKU menjadi lebih mahir dalam menggunakan teknologi serta memperoleh keuntungan dari kemudahan yang disediakan oleh teknologi digital dalam kehidupan mereka.

- (ii) Setelah kita menggubal dasar yang efektif dan pragmatik, kita boleh mengalihkan fokus kita kepada inisiatif utama kedua iaitu pemerkasaan infrastruktur mesra OKU. UMP komited dalam memperkasakan infrastruktur dengan mewujudkan fasiliti asas seperti pintu gelangsar, studio multimedia serta menjalankan kerja naik taraf kemudahan mesra OKU. Pada 12 Januari 2023, kita baharu sahaja menerima van mobiliti OKU yang akan dapat memberi kemudahan kepada komuniti OKU di UMP.

118. Selain itu, UMP juga akan melaksanakan Projek Rumah Hijau (*Green House Project*) seperti yang dilaksanakan oleh syarikat Jounetsu Co. Ltd. di Jepun. Syarikat ini begitu tekun membantu komuniti OKU dalam pengurusan ladang yang diuruskan oleh mereka. Bagi mencapai hasrat ini, UMP akan berusaha untuk mencari peruntukan khas daripada pelbagai agensi dan dilaksanakan secara usaha sama. Melalui inisiatif ini, UMP bakal mewujudkan peluang pekerjaan khusus untuk komuniti OKU.

119. Pada hemat saya, inisiatif yang kita rancang dalam memperkenalkan Ekosistem Inklusif ini sangat penting dan bermakna. Melalui dasar dan program yang dijalankan, UMP membuka peluang kepada orang kurang upaya untuk mendapatkan pendidikan dan pengalaman kerja yang sama seperti warga lain di universiti ini serta UMP dapat menjadi teladan kepada institusi pengajian tinggi lain dalam membuka ruang keadilan, kepelbagaian dan inklusiviti kepada komuniti OKU di Malaysia.

### **MELESTARI KECEMERLANGAN**

Tuan-tuan dan puan-puan,

120. Secara tuntasnya, kecemerlangan membawa maksud pencapaian tertinggi mahasiswa, pendidik, institusi dan sokongan sistem daripada pentadbiran dan staf-staf sokongan. Kecemerlangan ini harus dilihat dari semua aspek dan peringkat.

121. Sesuai dengan Lonjakan 1 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2015-2025) iaitu graduan yang holistik, berbudaya keusahawanan dan seimbang, peranan mahasiswa UMP dalam merealisasikan agenda 'Teknologi untuk Masyarakat' seharusnya dituntut. Melalui infrastruktur, dasar dan galakan yang sedia ada, mahasiswa UMP harus menjadi agen dalam mengimarahkan teknologi dalam kalangan masyarakat.
  
122. Dalam aspek kemanusiaan, aspek kesukarelawanan tidak pernah dikesampingkan. Sehingga kini, UMP mempunyai seramai 4,035 sukarelawan UMP Kilau yang terdiri daripada 3,200 orang pelajar, 650 orang staf, 120 orang alumni dan 65 orang staf anak syarikat yang aktif menjalankan kerja-kerja kesukarelawanan di seluruh Malaysia termasuklah semasa pandemik COVID-19, sukarelawan Pusat Pemberian Vaksin, program-program komuniti, bencana banjir dan inisiatif menyokong agenda SDG dan ESG. Universiti juga akan melancarkan Tabung Kemanusiaan UMP Turkiye-Syria bagi membantu mangsa gempa bumi di sana.

Tuan-tuan dan puan-puan,

123. Kita hidup dalam zaman disebut oleh Harvard Business School sebagai VUCA – satu terma pengurusan yang merujuk kepada *volatility, uncertainty, complexity dan ambiguity*. Kita tidak dapat mengelak malah perlu mendepani arus globalisasi melalui pendidikan yang relevan dengan generasi millennial.
  
124. Oleh itu, mahasiswa UMP perlu dilengkapi dengan pengetahuan teknologi dan komunikasi (ICT), kepintaran buatan (*artificial intelligence*) dan 'penjagatan internet' (*Internet of things*) dalam sistem pendidikan untuk membantu proses pengajaran dan pembelajaran.

125. 'Melestarikan Kecemerlangan' mungkin mudah untuk disebut, namun ia tidaklah sebegitu mudah untuk dilaksana dan direalisasikan. Adakah kita telah bersedia membawa teknologi yang kita miliki kepada masyarakat untuk dimanfaatkan?
126. Bagaimana peranan alumni UMP yang dianggap mempunyai tanggungjawab terhadap institusi yang pernah dihuni, memandangkan gelaran alumni bermaksud seseorang itu membawa nama institusi berkenaan. Andai semalam anda pergi dan di mana anda berada, pulanglah kembali hari ini. UMP sentiasa menunggu kepulangan anda dengan hati terbuka, menanti bakti alumni. Inilah rumah anda dan selamanya menjadi rumah anda. Taburkanlah bakti ke seluruh alam kerana jasa anda insya-Allah akan dikenang sepanjang zaman.
127. Adalah penting untuk warga kerja UMP terus berusaha meningkatkan momentum prestasi berdasarkan bidang tugas dan tanggungjawab di jabatan masing-masing. Keupayaan untuk mencapai kegemilangan berasaskan prestasi konsisten dan nilai murni merupakan prasyarat penting untuk menjayakan UMP sebagai sebuah universiti gemilang melalui PS UMP25 yang direka bentuk berdasarkan enam (6) Objektif Strategik ke arah Universiti Teknologi Terunggul.
128. Harapan saya, agar lapan (8) iltizam yang melatari amanat saya sebentar tadi dapat dihayati dan digerakkan dalam usaha memacu hala tuju universiti tercinta kita ini agar terus melestarikan kecemerlangan. "Jika pengayuh sayang dibasahkan, sampan takkan sampai ke seberang".
129. Mengakhiri ucapan ini, saya juga ingin menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, Tuanku Canselor UMP dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Hassanah Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah

Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, Pro-Canselor UMP serta Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri (Dr.) Abi Musa Asa'ari bin Mohamed Nor, Pro-Canselor 2 UMP.

130. Saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz Abdul Rahman atas sokongan berterusan Lembaga Pengarah Universiti terhadap usaha-usaha pihak pengurusan bagi meningkatkan prestasi dan kecemerlangan universiti ini secara keseluruhannya.
131. Juga penghargaan peribadi saya kepada semua Urus Setia Jawatankuasa Pelaksana yang bertungkus-lumus bagi memastikan Amanat Naib Canselor 2023 ini menjadi realiti.
132. Mudah-mudahan Allah SWT akan terus melimpahkan rahmat peliharaannya kepada kita dengan naungan keselamatan, kesejahteraan, kemakmuran, kesihatan dan kejayaan berpanjangan. Amin.
133. Terima kasih.